

PM: Prestasi BN dalam pilihan raya dikaji

29

UM - 6 DEC 1999

Oleh YUSRI SAHAT

JITRA 5 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) akan membuat kajian prestasi parti itu dalam pilihan raya umum lalu bagi menyusun semula strategi termasuk merampas kembali kerusi-kerusi yang jatuh ke tangan pembangkang.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, kajian itu

perlu walaupun beliau menerima banyak pandangan berhubung dengan kemenangan dan kekalahan BN dalam pilihan raya kali ini.

“Saya enggan mengulas keputusan kalah dan menang kerana banyak pendapat diberikan, tetapi saya akan kaji kenapa kita menang dan kalah.

“Dengan itu kita dapat menyusun langkah untuk menebus kembali tempat yang kita kalah dan sokongan di kawasan yang me-

ngang dapat dipertingkatkan lagi,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis jamuan kesyukuran sempena kemenangan beliau mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu di Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) di sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang, Barishah

Saad, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jitra, Prof. Datuk Dr. Osman Ishak dan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff.

Dr. Mahathir juga meminta calon-calon BN yang tewas dalam pilihan raya Isnin lalu supaya terus bersemangat dan memberi khidmat kepada penyokong mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau sedih kerana ketika mereka

■ Lihat muka 4

PM: Prestasi BN dalam pilihan raya dikaji

UM - 6 DEC 1999

meraikan kemenangannya di Kubang Pasu tetapi sesetengah calon BN tewas di kawasan lain.

“Saya sedih dengan kekalahan mereka dan berharap mereka terus bersemangat dan menjalankan tugas sebagai anggota BN dan UMNO,” katanya.

Pada sidang akhbar kemudiannya, beliau berkata, UMNO akan membuat kajian terhadap perubahan yang diperlukan seperti yang dinyatakan oleh Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Kalau dia mahu perubahan, kita kajiilah apa perubahan itu,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut melahirkan penghargaan kepada Osman yang juga Wakil Peribadinya di Parlimen Kubang Pasu kerana bertindak cemerlang sebagai Pengarah Tindakan Pilihan Raya Kubang Pasu bagi memastikan kemenangan BN.

Katanya, jentera pilihan raya BN Kubang Pasu turut bekerja keras untuk memastikan kemenangan beliau dan dua lagi calon di kawasan tersebut.

Menurutnya, beliau mengharapkan kerjasama daripada semua anggota UMNO di Kubang Pasu kerana tugasnya sebagai Perdana Menteri menyebabkan masanya terbatas.

“Saya mengharapkan sokongan semua pihak dan berharap Osman tidak keberatan untuk meneruskan tugasnya sebagai wakil peribadi saya,” ujarnya.

Osman ketika ditemui kemudiannya oleh *Bernama* berkata pada mulanya beliau menjangkakan tugasnya sebagai wakil Dr. Mahathir telah berakhir apabila pilihan raya tamat.

Beliau mula menjalankan tugas itu 24 Februari lepas.